

Malik bukukan kejayaan

UM 12 AUG 2003

KUALA LUMPUR 11 Ogos — Catatan kejayaan perenang maraton negara. Abdul Malik Mydin, 28, merentasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer akan diabadikan di dalam sebuah buku hasil nukilannya sendiri.

Abdul Malik ketika ditemui di pejabat Utusan Malaysia - media rasmi projek, Cabaran Selat Inggeris 2003 - memberitahu, beliau akan bercuti selama dua bulan untuk menghasilkan buku tersebut.

"Buku yang akan diterbitkan nanti akan merangkumi segala aspek termasuk kisah bagaimana penglibatan saya dari seorang pelumba basikal kepada perenang maraton.

"Di samping itu, dalam buku tersebut saya akan menyelitkan kisah suka duka perjuangan merentasi Selat Inggeris dan siapa sumber inspirasi dan mereka yang di belakang kejayaan saya," katanya.

Abdul Malik yang diraikan oleh pegawai kanan Jabatan Pengarang akhbar *Utusan Malaysia* di Jalan Chan Sow Lin hari ini turut berharap dengan terbitnya buku tersebut, ia dapat dijadikan bahan rujukan dan iktibar kepada generasi akan datang, yang mahu berenang merentasi Selat Inggeris.

"Dengan terhasilnya buku ini nanti, sekurang-kurangnya saya dapat

berkongsi segala pengalaman yang dilalui dengan pembaca dan masyarakat," jelasnya.

Abdul Malik mencipta sejarah apabila berjaya menjadi rakyat Malaysia

dan Asia Tenggara pertama menawan Selat Inggeris dalam masa 17'30:15 saat pada 3 Ogos lalu.

Beliau memulakan renang dari Pantai Abbots Cliff, Dover, England

rentas Selat Inggeris

ritan, akibat pukulan ombak dan arus laut bertentangan.

Misinya itu mendapat pengiktirafan Persekutuan Renang dan Juru-mudi Selat (CSPF) yang mengikuti keseluruhan renangan yang dilakukan oleh Abdul Malik serta mendapat perhatian penaung projek, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad serta pemimpin negara yang lain.

Sebelum mencatatkan kejayaan dalam misi itu, renangan yang dijadualkan pada 23 Julai lalu telah tertangguh selama 11 hari sebelum dibenarkan berbuat demikian, 3 Ogos lalu oleh CSPF.

Menjawab satu soalan, Abdul Malik berkata, beliau mahu menggunakan ilmu dan pengalaman di Selat Inggeris ini untuk membantu anak bangsa berenang dengan membuka sebuah Akademi Renang Abdul Malik Mydin.

"Insya-Allah jika segala yang dirancang berjalan dengan baik, akademi ini akan dibuka di sekitar negeri Selangor.

"Di situ, saya sendiri akan menjadi jurulatih dan melatih perenang-perenang muda yang mahu terlibat dalam sukan renangan maraton ini," ujarnya lagi.

Sementara itu pada majlis merai-kannya hari ini, Abdul Malik disambut oleh Ketua Pengarang Kumpulan

Utusan, Datuk Khalid Mohd. serta para pegawai kanan Jabatan Pengarang.

Dalam ucapan menghargai kejayaan perenang itu, Khalid bagi pihak syarikat dan kaki tangan *Utusan Malaysia* mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan cemerlangnya.

"Kejayaan ini merupakan satu semangat kepada generasi muda. Kesan yang ditinggalkan oleh Abdul Malik cukup besar.

"Semangatnya diharap akan menjadi ikutan kita semua. Ini juga membuktikan bahawa rakyat kita mampu mencapai kejayaan besar dalam semua peringkat jika dapat memecahkan rasa rendah diri," katanya.

Pada majlis itu juga Abdul Malik menerima cenderamata berupa bingkai gambar yang tertera liputan muka satu *Utusan Malaysia* yang melaporkan kejayaan beliau mencipta sejarah menawan Selat Inggeris.

Turut menerima cenderamata daripada Khalid ialah jurulatih, John van Wisse yang turut hadir pada majlis meraikan perenang itu di sini, hari ini.

Abdul Malik dan van Wisse menghabiskan masa lebih dua jam bertemu kakitangan Jabatan Pengarang dan sempat bergambar dan menandatangani autograf bersama mereka.

dan berenang sejauh 58 kilometer ke pantai Wissant, Calais di Perancis.

Abdul Malik selamat tiba di Pantai Wissant tepat pukul 2.40 pagi waktu Malaysia dalam keadaan penuh kepe-